

02/12/1998

Nazri enggan jawab surat tunjuk sebab

KUALA LUMPUR, Selasa - Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Nazri Tan Sri Aziz, berkata beliau tidak akan menjawab surat tunjuk sebab Peguam Negara atas tindakannya yang didakwa menghina mahkamah.

"Seperti yang saya cakap sebelum ini, tindakan terbaik (untuk menyelesaikan perkara ini) ialah seseorang membuat laporan polis mengenai kenyataan saya dan polis perlu membuat penyiasatan.

"Saya sudah pasti akan dipanggil untuk membuat penyiasatan, dan apabila ia selesai, laporan akan dibuat dan dihantar kepada AG.

"Hanya selepas itu dia boleh memutuskan sama ada saya boleh didakwa atau sebaliknya," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Tan Sri Mohtar Abdullah di Mahkamah Tinggi semalam bahawa Nazri sudah diberi surat tunjuk sebab kerana membuat kenyataan meminta Hakim S Augustine Paul meletak jawatan jika tidak mampu mengendalikan kes Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam bahasa Melayu.

Kenyataan itu dibuat dalam satu majlis rasmi dan dilaporkan dalam akhbar The Star, 2 November lalu.

Nazri berkata, beliau menerima surat tunjuk sebab daripada Peguam Negara pada 6 November dan diberi tempoh seminggu untuk menjawab.

"Saya langsung tidak berniat untuk menjawab (surat itu) kerana pada pendapat saya perkara ini sudah dijawab di Parlimen, ketika ia kali pertama ditimbulkan oleh Yang Berhormat Jelutong, Karpal Singh.

"Jika alasannya (Mohtar) menghantar surat tunjuk sebab itu untuk membuktikan beliau tidak menyebelahi sesiapa (impartial), saya fikir dia menghantar surat itu kepada salah orang. Kerana itu saya fikir saya tidak perlu menjawab surat itu.

"Saya tidak kisah sama ada dia berpuas hati dengan penjelasan saya atau tidak. Saya lebih mementingkan sama ada mahkamah berpuas hati dengan penafian saya dan orang ramai juga berpuas hati.

"Sekiranya dia masih ingin mengheret saya ke mahkamah, itu adalah pilihannya. Dia tahu apa yang perlu dilakukan. Sekali lagi saya menegaskan saya tidak berhasrat untuk membalas suratnya... the ball is in his court," katanya.

Nazri berkata, Peguam Negara tidak sepatutnya menghantar surat tunjuk sebab berdasarkan laporan akhbar kerana sebelum ini Mohtar juga pernah mempertikaikan kewibawaan laporan akhbar.

"Beliau juga pernah marah dengan laporan akhbar The Star. Jika begitu mengapa sekarang beliau bergantung kepada laporan akhbar untuk menghantar surat tunjuk sebab itu," katanya.

Nazri turut memberi contoh Mohtar tidak mengambil tindakan terhadap Datin Paduka Marina Mahathir suatu masa dahulu kerana dakwaan yang dibuat berdasarkan laporan akhbar.

"Apabila Lim Guang Eng bertanya kepada saya (mengenai perkara itu) Julai lalu... jawapan rasmi dari Pejabat Peguam Negara untuk saya menjawab di Parlimen ialah seseorang itu mesti membuat laporan polis mengenai kenyataan itu, polis akan menyiasat dan selepas penyiasatan selesai laporan akan diserahkan kepada Peguam Negara dan beliau akan memutuskan sama ada meneruskan pendakwaan atau sebaliknya.

"Itu adalah prosedurnya. Kenapa dengan Marina beliau tidak mengambil tindakan berdasarkan laporan akhbar, tetapi dengan saya beliau ingin mengambil tindakan berdasarkan laporan akhbar.

"Ini tidak betul, prosedur yang digunakan adalah salah. Kerana itu saya berpendapat tidak perlu menjawab suratnya," tegasnya.

Menurutnya, hanya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad boleh memanggilnya sekiranya beliau berbuat sesuatu kesilapan, dan bukan tugas Peguam Negara berbuat demikian.

"Hakim dan sistem kehakiman memang di bawah pengawasan saya dan saya selalu mempertahankan mereka. Adalah tidak logik dan tidak konsisten bagi beliau untuk berfikir saya ada membuat kenyataan yang boleh menghina mahkamah.

"Sekarang terserah kepadanya (Mohtar). Saya sedia mempertahankan diri saya di mahkamah, jika dia ingin membawa saya ke muka pengadilan," katanya.

(END)